

Final Draft
29/10/10
R

Mukadimah
Bengkel Strategic Plan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Di Empire Hotel 29hb November 2010
2.00 petang.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh

1. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan mempunyai bidang tugas yang luas dan mencabar. Kementerian bertanggungjawab daripada mengang amanah pada memberikan pemedulian dan menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk daripada golongan kanak-kanak, dan remaja kepada golongan warga tua yang memerlukan bantuan, perlindungan dan keperluan khas, hingga kepada memperkasa dan mengasuh kaum belia yang merupakan sebagai asset Negara yang berharga dan juga pada meningkatkan imej dan martabat bangsa Melayu Brunei melalui mengangkat dan menyebarkan penggunaan Bahasa melayu, pemeliharaan peninggalan dan menonjolkan sejarah, kebudayaan, adat resam dan peninggalan tamadun bangsa yang berperanan penting didalam pembangunan bangsa (nation building).
2. Secara Ringkas KKBS bertanggungjawab dan berperanan pada mengangkat dan melahirkan bangsa Brunei yang cemerlang, membina kaum belia yang berjiwa besar dan mempunyai jati diri yang kental, memastikan kehidupan rakyat yang terjamin kesejahteraan dan kebajikan mereka dan melahirkan dan mengasoh anak bangsa Brunei untuk mewarisi dan menjiwai konsep Negara Melayu Islam Beraja, sejarah, bahasa, kebudayaan dan tamaddun bangsa yang yang gemilang. Ini ~~adalah selaras dengan~~ Visi KKBS "**Bangsa Brunei**
di gantikan oleh

Cemerlang". Manakala misi KKBS ialah "Membangun Masyarakat Beragama, Berbudaya, Berilmu, Cekal, Berdaya Saing dan Bertanggungjawab"

3. Tanggungjawab dan amanah yang dipikulkan kepada kementerian kita memerlukan kita untuk melaksanakan bidang tugas kita diluar daripada perkara atau kerja-kerja rutin. Kita perlu focus, berfikir diluar kotak (outside the box), bertindak secara strategic dan berasaskan atau bersandarkan kepada key performance index atau indicator. Dalam waktu yang sama kita perlu berpegang kepada prinsip " Nothing is permanent but change" ini memandangkan persekitaran kita sentiasa berubah yang dipengaruhi oleh factor dalaman dan luaran.
4. Perubahan dan pembaikan yang ingin kita bawaan kedalam mutu perkhidmatan tidak berlaku secara accident atau kebetulan akan tetapi terhasil daripada hasrat yang tinggi (high intention), usaha usaha yang ikhlas (sincere efforts) arahan arahan yang terarah dan jelas (intelligent and clear direction) serta pelaksanaan yang rapi (skillful implementation). Yang sama penting juga ialah perlunya terdapat kerjasama antara pasukan tanpa batas serta telus (transparent and cross functional teams collaboration) yang di jadikan budaya kerja. Adalah juga penting bagi terdapatnya kepimpinan yang berinovasi dan dinamik dikalangan ketua-ketua Jabatan dan bahagian dan seterusnya menggalakkan budaya kerja innnovasi kepada warga dan kakitangan didalam kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi memastikan sentiasa terdapat pembaharuan dan peningkatan mutu perkhidmatan yang berterusan.
5. Disini lah keperluannya kaedah perancangan startegik perlu di gunapakai didalam hal-ehwal pengurusan dan pentadbiran didalam kementerian bagi menghasilkan mutu perkhidmatam yang cemerlang, pencapaian matlamat yang di hasratkan dan penggunaan sumber yang maksima. Perlu ditegaskan, perancangan strategic berserta dengan KPI dan balance score card hendaklah sentiasa dijadikan mekanisma utama untuk

mengukur keberkesanan dan kejayaan sesuatu projek atau dasar yang dilaksanakan. Tanpanya, kita hanya melaksanakan tugas tanpa arah tuju yang jelas dan membazirkan sumber yang terhad tanpa mengetahui tahap pencapaian pengurusan terbaik atau hasil terbaik bagi sesuatu projek.

6. Adalah bertepatan setelah 25 tahun penubuhan KKBS untuk kita mereview atau mengimbas kembali serta menilai dan meneliti strategi- strategi dan program-program secara menyeluruh dan khusus untuk mengetahui keberkesanan polisi dan dasar dasar serta program yang telah dilaksanakan. Kita perlu merangka semula pelan strategi yang baru disamping yang sudah sedia ada di setiap jabatan dibawah KKBS bagi menghadapi cabaran mendatang dan ianya mestilah menjurus dan selari (alligned) dengan Wawasan Brunei 2035.
7. Melalui penelitian dan menilai semula perancangan strategic yang terdapat di KKBS kita perlu perelaskan diantara bidang strategik dengan bidang operational, menentukan atau reaffirm ownership dan stakeholders kepada strategic objectives dan strategic themes yang telah dikenal pasti. Dalam waktu yang sama adalah juga penting bagi strategic plan di terjemahkan (translate) kepada high level objectives untuk disukat megikut SMART Approach- Specific; Measurables; Aligned; Realistic ; dan Timeline.
8. Adalah diharapkan bengkel Strategic Planning KKBS ini akan berhasil pada menjadikan dan mengangkat serta mentransform VISI KKBS dari satu dokumen yang pasif kepada yang dinamik dan praktik. Yang sama penting ialah bagi Perancangan Strategik yang sudah dibuat pembaikan berkenan akan dapat secara berkesan di sibarkan (cascade down) kepada semua pegawai dan kakitangan di KKBS disegenap peringkat untuk di hayati dan laksanakan.
9. Melalui revision yang di buat keatas Perancangan strategic KKBS, insyaAllah kita akan dapat memberkesankan lagi bidang

tugas dan meningkatkan mutu perkhidmatan perkhidmatan yang di berikan yang meliputi -:

I) Kebudayaan

- Mengangkat martabat dan memajukan Bahasa Melayu
- Memantapkan dan mengembangkan warisan dan kesenian dan tradisi luhur masyarakat Melayu brunei yang terdiri daripada 7 rumpun supaya dapat dimajukan dan tidak pupus ditelan zaman
- Menjadikan sejarah Negara dan tamadun bangsa ini difahami dan diketahui oleh masyarakat umum disemua peringkat dan ia dijadikan sebagai landasan membangun bangsa (nation building).

II) Kebeliaan

- Mewujudkan belia yang berjiwa besar, berdisiplin, berkemahiran mempunyai nilai murni dan mempunyai pegangan kuat terhadap falsafah Negara Melayu Islam Beraja yang bersendikan kepada ajaran agama Islam.

III) Kesukanan

- melahirkan masyarakat yang tahu dan menyedari dan dapat menggunakan sukan dan riaadah itu sebagai gaya hidup yang sehat
- Salah satu sukat2 kecemarlang individu
- dapat mewujudkan sukan sebagai kerjaya dan industry

IV) Kemasyaraktan dan Kebajikan

- dapat melahirkan masyarakat penyayang, bertolenrasi tolong menolong dan taat kepada pemerintah (Raja) dan pemimpin serta patuh kepada peraturan dan undang-undang

- dapat membangunkan satu system pemedulian yang menyeluruh (*holistic*) dan *innovative* demi mengurangkan ahli masyarakat “yang tercicir”
- menyediakan satu program pembangunan sosial yang holistic dan mengambil kira hal hal khusus anggota masyarakat seperti isu gender, orang yang berkeperluan Khas, Ahli Masyarakat dibawah paras kemiskinan dan mereka yang memerlukan pemedulian.

Sekian, terima kasih.